

28 JUL 2002

Pendidikan-Pengasingan

PEMILIHAN SEKOLAH SATU ALIRAN PUNCA PENGASINGAN KAUM

PASIR GUDANG, 28 Julai (Bernama) -- Sikap ibu bapa yang memilih untuk menghantar anak mereka ke sekolah satu aliran merupakan punca berlakunya ekstremisme kaum yang ketara di kalangan generasi muda kini, kata Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Abdul Rafei Mahat.

Beliau berkata oleh itu pengwujudan Sekolah Wawasan merupakan usaha untuk mendekatkan para pelajar yang berbeza latar belakang dan budaya agar dapat mengenali serta menghormati adat resam kaum lain.

"Usaha kementerian ialah untuk mendekatkan pelajar pelbagai kaum di peringkat sekolah...itu sebabnya kita majukan Sekolah Wawasan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Sukan Majlis Sukan Politeknik ke-4 di Stadium Pasir Gudang, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa masalah pengasingan kaum di kalangan generasi muda negara ini semakin serius dan membimbangkan.

"Pandangan Perdana Menteri itu hendaklah dipandang serius oleh semua pihak dan kementerian akan memastikan agar murid-murid di beri peluang lebih banyak untuk memupuk semangat integrasi," tambahnya.

Menurut Abdul Rafei, kementerian akan meneruskan usaha menyatukan pelajar menerusi aktiviti kurikulum bagi memudahkan mereka berintergrasi antara satu sama lain.

Katanya, kajian terhadap kurikulum pendidikan negara sering diadakan agar sentiasa relevan dengan situasi semasa dan bertepatan dengan keperluan negara.

Beliau berkata latihan terhadap para guru juga merupakan faktor penting bagi memastikan sistem pendidikan negara lebih dinamik dan dapat melahirkan golongan pendidik yang dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan pelajar.

Kejohanan tahunan karnival sukan itu yang berlangsung selama lima hari mulai semalam disertai lebih 1,000 pelajar politeknik seluruh negara.

-- BERNAMA

RAM HM